

# Rakyat perlu bekerjasama bantu kerajaan perang rasuah

um - 17/11/2006

KUALA LUMPUR 16 Nov. - Rasuah hanya boleh dihapuskan jika semua rakyat bekerja sama membantu kerajaan memerangi gejala itu dengan menghentikan amalan 'memberi dan menerima' yang menjadi punca berlaku gejala itu di dalam masyarakat.

Beberapa orang perwakilan UMNO yang menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya membantunya menghapuskan gejala rasuah dalam kerajaan dan amalan politik wang dalam parti, mahu kempen ke arah itu dijalankan secara serius.

"Kempen memerangi rasuah perlu dijalankan secara serius kerana ia sangat penting demi menjaga keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat," kata mereka.

Wakil UMNO Bahagian Johor Bahru, **Abu Talib Alias** berkata, rakyat semua peringkat perlu memberi kerjasama memberi maklumat kepada pihak berkuasa sekiranya mereka mengetahui berlaku rasuah.

Menurutnya, usaha paling berkesan memerangi rasuah ialah apabila rakyat menghentikan amalan 'memberi dan menerima' dalam sesuatu urusan yang mempunyai kepentingan.

"Jika tidak ada orang yang memberi maka tidak akan adalah orang yang menerima," ujarnya.

Abdullah dalam ucapan dasar Presiden UMNO pada Perhimpunan Agung UMNO semalam merayu semua pihak termasuk ahli UMNO di segenap lapisan membantu usahanya menghapuskan rasuah dalam

kerajaan serta amalan politik wang dalam parti.

Presiden UMNO itu berkata, beliau cecal mahu membanteras rasuah dan politik wang, namun sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO beliau tidak mampu melaksanakan tugas itu seorang diri.

Abu Talib berkata, masyarakat perniagaan boleh bertindak pantas melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya ada pihak tertentu terutama dalam jabatan kerajaan meminta rasuah.

Dalam konteks ini, katanya, orang yang mempunyai kuasa membuat keputusan menggunakan kedudukan mereka untuk meminta rasuah sehingga mendorong pihak yang berurusan dengan mereka memberi rasuah.

"Jika pemberi bertindak pantas melaporkan kepada pihak berkuasa ada pihak yang meminta, sudah pasti rasuah boleh ditangani.

Abu Talib berkata, pihak berkuasa juga perlu bertindak tegas mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan rasuah.

Pada masa yang sama, kerajaan dan mahkamah perlu membuat inisiatif mencari cara bagaimana hendak menyelesaikan kes-kes dakwaan melibatkan rasuah.

"Terdapat kes rasuah yang sedang dibicarakan berlarutan sampai bertahun-tahun atau kes rasuah tidak dapat dibicarakan kerana kekurangan bukti sehingga menjejaskan integriti dan imej kerajaan," katanya.

Katanya, bagi mengelakkan perkara seumpama itu berlaku orang ramai perlu memberi kerjasama memberi maklumat atau bukti tentang rasuah kepada pihak berkuasa atau Badan Pencegah Rasuah (BPR).

## Tulang belakang

Seorang anggota Pergerakan Puteri UMNO, **Aisha Abdul Mubarak** pula berkata, beliau malu kerana Presiden parti sendiri terpaksa membangkitkan isu tersebut.

Katanya, rasuah tidak sepatutnya berlaku dalam UMNO yang merupakan parti tonggak dan tulang belakang bagi kerajaan Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, sebagai parti pemerintah, sepatutnya ahli UMNO membantu kerajaan membanteras rasuah bukan terlibat dengan rasuah.

Aisha yang juga Perwakilan UMNO Bahagian Petaling Jaya Utara berkata, jika kesedaran seperti itu wujud di kalangan ahli UMNO, kes yang dilaporkan oleh akhbar melibatkan anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Pelabuhan, Datuk Zakaria Md. Deros mengubahsuaikan rumah tanpa kebenaran Majlis Perbandaran Klang, tidak akan berlaku.

Beliau juga kecewa kerana kedudukan Malaysia sebagai negara membangun daripada segi indeks persepsi rasuah semakin merosot berbanding tahun lepas.

Katanya, BPR dan polis merupakan agensi penguatkuasa yang berkesan dan mempunyai kuasa mencukupi untuk menguatkuasakan undang-undang rasuah.

"Bagaimanapun, agensi-agensi itu menjadi tidak berkesan memerangi rasuah kerana orang ramai tidak bekerjasama memberi maklumat atau melaporkan kejadian rasuah.

"Saya rasa semua rakyat perlu mengambil inisiatif untuk memainkan peranan masing-masing melaporkan kejadian rasuah kepada polis atau BPR kerana agensi-agensi berkenaan hanya boleh bertindak atas aduan," tambahnya.